

Jangan salah tafsir: Dr M

KUALA LUMPUR, Rabu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta semua pihak terutama ahli politik berhenti menyalahafsirkan ucapan beliau bagi mengelakkan kata-katanya disalahertikan.

Perdana Menteri berkata, tindakan sesetengah pihak menyalahafsir ucapannya menyebabkan beliau berasa takut hendak berucap panjang.

"Saya percaya sehingga sekarang masih ramai yang cuba meneka siapa dia Brutus dan kalau saya jelaskan sekalipun, dia akan kata 'Yang itu dia kata, tetapi sebenarnya lain'."

"Jadi, macam mana nak betul. Susahlah saya...sebab itu

(saya) tidak berani hendak beri ucapan kerana ramai orang boleh buat tafsiran berbeza. Umpamanya, kalau saya kata saya sayang, (dia akan kata) 'yang itu dia kata, tetapi sebenarnya macam ini'.

"Kalau saya kata, saya benci, (dia akan kata) 'yang itu dia kata, maksudnya macam ini'. Jadi, banyaklah yang ada interpreter (jurubahasa) di kalangan kita ini," katanya ketika berucap di Majlis Malam Mesra Perdana anjuran Kelab Penyokong-Penyokong Kerajaan (BBC) Parlimen dengan kerjasama Kementerian Penerangan di Angkasapuri, di sini malam ini.

Majlis itu dihadiri oleh

menteri Kabinet, timbalan menteri, menteri besar dan ketua menteri serta anggota Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Dr Mahathir secara sinis mempersoalkan mengapa orang seumpama itu berada dalam bidang politik.

"Sepatutnya, mereka berada di mahkamah untuk menjadi jurubahasa. Lebih dari itu, kita dapati ramai dari kita ini boleh baca hati orang. Saya dah cuba nak baca hati orang. Tak boleh. Setakat yang kita boleh dengar itu kita faham.

"Saya fikir eloklah kalau dalam masyarakat kita ini, kita pegang apa yang kita dengar, sudahlah. Tidak usah-

lah bagi tafsiran yang mendalam sangat sehingga orang yang berucap itu pun tidak sedar apa yang dia cakap," katanya.

Perdana Menteri bersyukur kerana negara ini mempunyai lebih dua pertiga perwakilan di Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri (DUN).

"Ini penting kerana sebagai sebuah negara membangun, kita tidak boleh terlalu banyak berpecah belah dan berpolitik. Ada sedikit sebanyak pembangkang pun sudah susah.

"Fitnah dilakukan tanpa

LIHAT MUKA 2

Jangan salah tafsir: Dr Mahathir

DARI MUKA 1

mementingkan kesan baik atau buruk. Kita mahu ada parti lawan kerana jika tidak, bermakna kita tidak demokratik, kita mahu parti lawan yang berguna, memberi teguran berguna kepada kerajaan.

"Tetapi malangnya, kita ada parti lawan yang tidak berguna. Nasib baik ada BBC, itu adalah idea yang baik sekali," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia beruntung kerana rakyat mempunyai di-

siplin yang kukuh kerana sukar mentadbir negara tanpa disiplin.

"Kalau tidak ada disiplin, perkara yang baik akan jadi buruk. Sebaliknya, kalau ada disiplin yang buruk akan jadi baik. Tanpa disiplin da-

lam membuat keputusan dan melaksana arahan, kita tidak akan maju.

"Ikut disiplin, kadangkala orang kata kita macam robot. Lebih baik jadi robot yang berjaya daripada manusia yang tidak berjaya," katanya.